



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 21 JANUARI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TAHUN ARNAB: MAFS DIHARAP BEKERJA LEBIH PANTAS – MAT SABU, MALAYSIA KINI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	BEKALAN AYAM DAN TELUR KEMBALI NORMAL MULAI BULAN INI -MAFS, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
3.	BEKALAN AYAM, TELUR KEMBALI NORMAL DAN MENCUKUPI DALAM MASA TERDEKAT: MAFS, KL POST -ONLINE	
4.	MOHAMAD LAWAT LADANG AYAM, NASIONAL, BH -7	
5.	AGROBANK LANCAR KEMPEN CNY HUAT AH SEMPENA PERAYAAN TAHUN BAHRU CINA, MY LIFE NEW AGENCY -ONLINE	AGROBANK
6.	TELUR OH TELURI!, NASIONAL, SH -4	LAIN-LAIN
7.	HOPING THE GOVERNMENT TO GIVE INCENTIVES TO REVITALISE THE PIG INDUSTRY, NEWS, UNITED DAILY NEWS (KUCHING) -A13	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2023	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Tahun Arnab: MAFS diharap bekerja lebih pantas – Mat Sabu



PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) diharap dapat bekerja lebih pantas bagi memastikan bekalan makanan untuk keperluan negara ini sentiasa cukup dan terjamin.

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, ia selari dengan tahun baharu ini yang menandakan tahun arnab.

Katanya, ini kerana umum mengetahui haiwan berkenaan bersifat pantas dan laju.

“Saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua rakyat Malaysia yang meraikannya termasuklah kepada pegawai dan kakitangan MAFS yang berketurunan Tionghua.

“Semoga kita semua terus bersatu padu dan mendapat kejayaan yang lebih gemilang untuk kebaikan rakyat dan negara kita,” katanya dalam satu hantaran di Facebook, hari ini. [-UTUSAN](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Bekalan ayam dan telur kembali normal mulai bulan ini – MAFS



Orang ramai membeli keperluan asas sempena cuti perayaan Tahun Baru Cina ketika di sebuah Pasaraya di Selayang, Selangor. Foto MOHD ADZLAN, 21 JANUARI 2023.

KUALA LUMPUR – Bekalan ayam dan telur kembali normal dan cukup untuk keperluan pasaran tempatan bermula bulan ini.

Jaminan berkenaan disuarakan oleh Persekutuan

Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu dalam pertemuan yang diadakan pada Khamis lalu.

"FLFAM turut menzahirkan penghargaan mereka kepada Kerajaan atas usaha dan sokongan dalam mencari penyelesaian yang seimbang tentang masalah yang dihadapi oleh pengguna dan industri di Malaysia berikutan pelbagai cabaran yang wujud dalam proses rantai bekalan makanan di seluruh dunia," kata Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS).

Jelas MAFS, dalam pertemuan berkenaan FLFAM membangkitkan beberapa isu termasuklah harga kawalan dalam tempoh panjang yang menyebabkan penternak mengalami kerugian akibat peningkatan kos pengeluaran.

Tambah kementerian tersebut, turut dibincangkan berkaitan keperluan meningkatkan produktiviti melalui penternakan secara sistem tertutup, isu aliran tunai dalam kalangan penternak dan jangkaan bekalan ayam dan telur serta kos pengeluaran.



Orang ramai membeli keperluan asas sempena cuti perayaan Tahun Baru Cina ketika di sebuah Pasaraya di Selayang, Selangor. Foto MOHD ADZLAN, 21 JANUARI 2023.

"Pertemuan ini bertujuan bagi membincangkan Memorandum FLFAM berkaitan isu-isu yang menjelaskan kemampunan dan daya saing industri unggas khususnya ayam daging dan telur," tambah kementerian itu.

Jelas MAFS, pihaknya akan meneruskan usaha konsisten dengan mengadakan libat urus bersama pemain industri bagi memastikan industri ayam dan telur terus mampan untuk menjamin bekalan makanan kepada rakyat.

Terdahulu, tinjauan MalaysiaGazette mendapati rata-rata pengguna mengeluh kerana bekalan telur dan ayam di pasaran masih terhad. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2023	KUALA LUMPUR POST	ONLINE	

Bekalan ayam, telur kembali normal dan mencukupi dalam masa terdekat : MAFS



PUTRAJAYA — Bekalan ayam dan telur akan kembali normal dan mencukupi untuk pasaran tempatan bermula bulan ini, menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS).

MAFS dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan perkara itu antara jaminan dan komitmen yang diberikan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) ketika pertemuan antara kementerian dengan persatuan itu yang berlangsung pada 19 Jan lepas di Putrajaya.

Pertemuan itu dihadiri Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu, Ketua Setiausaha MAFS Datuk Lokman Hakim Ali, pegawai kanan kementerian dan FLFAM yang diketuai Presidennya Tan Chee Hee.

“Pertemuan ini bertujuan bagi membincangkan Memorandum FLFAM berkaitan isu yang menjelaskan kemampunan dan daya saing industri unggas khususnya ayam daging dan telur. Antara isu yang dibangkitkan meliputi harga kawalan dalam tempoh panjang menyebabkan penternak berdepan kerugian kerana kos pengeluaran terus meningkat.

“Isu lain adalah seperti keperluan meningkatkan produktiviti melalui penternakan secara sistem tertutup, isu aliran tunai dalam kalangan penternak, jangkaan bekalan ayam dan telur serta kos pengeluaran,” menurut MAFS.

Jelas MAFS lagi, FLFAM turut menzahirkan penghargaan mereka kepada kerajaan atas usaha dan sokongan dalam mencari penyelesaian yang seimbang tentang masalah yang dihadapi oleh pengguna dan industri di Malaysia berikutan pelbagai cabaran yang wujud dalam proses rantaian bekalan makanan di seluruh dunia.

“MAFS akan terus komited mengadakan libat urus bersama pemain industri bagi memastikan industri ayam dan telur terus mampan bagi menjamin bekalan makanan sentiasa mencukupi untuk keperluan rakyat,” menurut kenyataan itu, lapor Bernama.

Headline	Mohamad lawat ladang ayam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	7	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	225 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,437



Mohamad lawat ladang ayam

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu, turun padang melawat ladang ayam milik HS Gemilang Sdn Bhd yang terletak dalam Parlimen Kota Raja, semalam. Turut bersama dalam lawatan itu ialah EXCO Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni. HS Gemilang yang dimiliki anak tempatan, pernah menerima anugerah Usahawan Tani Jaya pada 2010, menggunakan sistem ternakan moden dengan konsep reban tertutup.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2023	MY LIFE NEW AGENCY	ONLINE	

AGROBANK Lancar Kempen CNY Huat Ah Sempena Perayaan Tahun Baharu Cina



Kredit Foto Jabatan Komunikasi Korporat, Agrobank

KOTA KINABALU, SABAH – Sempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina yang bakal menjelang, Agrobank telah melancarkan Kempen CNY Huat Ah yang disempurnakan oleh YB Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang bertujuan untuk memupuk pengurusan kewangan yang baik menerusi perkhidmatan penyimpanan di Agrobank.

Kempen Huat Ah ini mengetengahkan dua mini kempen* iaitu (i) Kempen Menang Angpau RM888 – Deposit Bonanza dan (ii) Kempen Extravaganza FRIA-i yang merupakan antara inisiatif Agrobank untuk memupuk budaya bijak berbelanja.

Bagi menggalakkan amalan menyimpan, pelanggan boleh menjana keuntungan menerusi simpanan berjangka dengan kadar keuntungan yang kompetatif iaitu 4.25% bagi tempoh dua belas bulan menerusi Kempen Extravaganza FRIA-i dan akaun simpanan melalui Kempen Menang Angpau RM888 – Deposit Bonanza.

Menurut Datuk Yunos Abd Ghani, Pengurus Agrobank, “Agrobank sentiasa memberikan galakan dan bimbingan kepada pelanggan dan pemegang taruh khususnya dalam menguruskan kewangan kerana pengurusan kewangan yang baik dapat membantu dalam menjana pendapatan dan memantau aliran tunai perniagaan.”

“Huat bermaksud ‘kemakmuran’ Agrobank percaya bahawa pelanggan mempunyai keazaman untuk mempunyai kemakmuran dalam kewangan dan ‘kebebasan kewangan’ (financial freedom) bagi menjamin masa hadapan yang lebih baik. Menyedari tentang pentingnya usaha ini, Agrobank memperkenalkan Kempen Huat Ah khusus untuk menggalakkan pelanggan untuk menyimpan menerusi simpanan berjangka di Agrobank,” kata beliau.

Bercakap mengenai Kempen Huat Ah, YB Chan Foong Hin berkata, “Perkhidmatan Agrobank tidak hanya terhad kepada pembiayaan bagi memacu sektor agromakanan, ia juga meliputi pelbagai produk konsumen yang lain seperti simpanan berjangka, takaful, pengurusan wasiat dan lain-lain. Golongan B40 dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan antara yang mudah terkesan dengan sebarang impak oleh ketidaktentuan ekonomi, oleh itu, inisiatif Agrobank menerusi Kempen Huat Ah ini adalah bertepatan bagi memupuk budaya menyimpan dalam kalangan masyarakat kita.”

Terdahulu, Agrobank telah menganjurkan program ‘Huat Ah Shopping Spree’, sebuah inisiatif julung kalinya diadakan di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang bertujuan untuk meringankan

Headline	Telur oh telur!		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Jan 2023	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	4	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	117 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,310
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,930



Telur oh telur!

MASA berkempen pilihan raya yang baru lepas, salah satu serangan keras ke atas kerajaan masa itu adalah isu telur.

Nampak kelakar, tapi memang telur salah satu kempen pilihan raya yang berkesan bagi pembangkang. Tuk Seri Ketua Pembangkang masa itu pun hebat mengkritik kerajaan pasal telur.

Apabila pembangkang jadi kerajaan, rakyat tentu tagih janji, "mana telur kami?" Nampaknya ke atas Mat Sabu dan Tuk Seri Salahuddin Ayub beban soal telur ini sekarang.

Yang seorang cari telur, yang seorang lagi nak pastikan telur ada di pasaran. Nampaknya tak mudah nak selesaikan hal telur.

Mat Sabu pun terus terang dalam soal ini. Khabarnya Kementerian

Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) yang dipimpinnya dapat markah corot daripada segi penilaian persepsi rakyat. Awang tak terperanjat.

Menurut beritanya, pada Oktober tahun lalu, negara kekurangan 118 juta biji telur dan dalam November pula 157 juta. Pada bulan Disember, kekurangan itu cuma satu juta sahaja.

Kadang-kadang kerajaan kena tegas juga. Jangan ikut sangat gen-dang penternak, pembekal dan pengedar. Keutamaan mereka nak buat duit. Maka macam-macamlah alasan yang akan diberikan.

Kerajaan mesti pastikan langkah drastik. Jikalau perlu halang eksport telur buatlah, apa nak ditunggu?

Apakah janji pemimpin PH semasa kempen? Bukankah nak utamakan rakyat, bukan peniaga besar dan kaya?

Headline	Hoping the government to give incentives to revitalise the pig industry		
MediaTitle	United Daily News (Kuching)		
Date	21 Jan 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	39,116
Page No	A13	Readership	117,348
Language	Chinese	ArticleSize	371 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,974
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,922



養牲公會拜會華總會長 冀政府獎掖振興養豬業



美里省华总会长拿督吴健平律师（左5）接见美里养牲公会访问团时赠送会长名义红包封予蔡卓殷主席（右4）。

（美里20日讯）在拜会美里省华总会长拿督吴健平律师时，美里养牲公会主席蔡卓殷形容养猪业面对的困境，猪农都不能呼吸；吴健平呼吁政府关注及奖掖受影响的养牲业主，重启猪肉供应链，农民得以温饱与安居。

拿督吴会长表示，从事养猪业的农民几乎都是华裔，无形间成了整个华社关切的民生课题，农民的生计受影响，消费者须付上昂贵的价格才能取得新鲜猪肉，在通货膨胀生活轨道上，销售者与购买者同样雪上加霜。

美里养牲公会是美里省华总73属会之一，蔡卓殷主席专程在新年届临时向华总会长拜个早年，同时反映业主面对的困境，征求解决方案。

美里珠巴屠宰场停止运作，生猪肉供应主要源自古晋农场。由于无法获得正常的生猪供应，猪肉商贩自去年10月开始，经常面对货源短缺问题，每周被迫歇业多日，大部分的商贩自去年12月开始便歇业迄今。

蔡卓殷主席向拿督吴健平称，即使没有开摊做生意，每月的摊位租金依然要缴付，农民都喘不过气来。

他表示了解，倘若问题未获得解决，更多业主将濒临倒闭，所以来自政府的援助刻不容缓。

他建议可以透过正确管道向有关当局反映缴付摊位租金的问题。两人也提及自猪瘟暴发以来，生猪供应量面对严重不足困境，猪肉价格连续涨了

几次，从最初的每百公斤生猪约千多令吉涨至2080令吉，11月涨至2400令吉，12月圣诞节前夕涨至2550令吉。

追根究底，猪肉涨价肇因，除了供应量不足，幸存的养猪场增加环境与工作人员的消毒等成本费用，也因为猪饲料价格飙升。过去每吨饲料价格是800令吉，如今上涨至2000令吉，养猪成本剧增50至60%。

拿督吴健平关心养猪业受到重挫，业主是否得到政府适当的资助？蔡主席表示有补贴一些，但是无法让农民重启猪肉供应链。

他表示，根据媒体报导了解，砂拉越有90%以上养猪场的3万多头猪只已被扑杀，小型养猪场少了赖以生存的生猪，处于垂死挣扎的边缘。

砂食品工业、原产品与区域发展部日前发出文告，宣称政府已拨出500多万美元的援助金给猪农，然而受影响的范围广大，援助金无法帮助农民重启行业。

猪瘟重创砂拉越的养猪业，从原来的各区都有大小养

猪场，到现在只能依赖古晋养猪场，两人也探讨在美里设立集中养猪场的可能性，不过集中养猪场须专职人员或单位接手规划及执行，实行不容易。

拿督吴健平冀望政府在这水深火热关键时刻，可以提供奖掖振兴养猪业，投入人力和财力，策划短期方案，与业者共同建立起更安全先进的畜养系统。

养牲业主普遍认为要长期有充足且稳定的猪肉价格供应，政府可采取的措施包括批准更多土地发展养猪场；提升兽医设施、加强养猪场保养指导、技术协助、经济与设备援助；向外国引入优良猪只品种；采取措施鼓励养猪业，供应本地市场也可出口赚取外汇；按市场需求批准更多外国冷冻猪肉进口等。

蔡卓殷主席在拜会拿督吴健平时也提到养鸡业主同样面对饲料价格飙升的问题。由于养鸡业成本提高，鸡蛋价格也水涨船高，从最初的一个蛋11仙涨至如今的一个蛋70仙。

拿督吴健平表示欢迎副首相拿督斯里阿末扎希日前的宣布，农业及粮食安全部确保鸡肉和鸡蛋供应稳定和营销效率的行动计划，在与目标机制相关的政策最终确定之际，实施价格控制和养鸡补贴政策，这对养牲业是好消息。